

26/12/2001

MCA hantar empat nama

GEORGETOWN, Selasa - MCA akan menyerahkan empat nama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sudah disenaraipendekkan sebagai calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan, Perlis.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata senarai empat nama itu sudah dipersetujui oleh MCA Perlis dan pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri berkenaan.

Katanya, pemimpin BN dan MCA negeri yang ditemuinya berkata mereka akan menerima siapa juga calon yang dipilih oleh Dr Mahathir.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata MCA dan BN negeri akan memberi sokongan kepada siapa juga daripada empat nama itu yang dipilih oleh Perdana Menteri.

"Yang penting kita akan memastikan kemenangan calon BN dalam pilihan raya kecil kawasan berkenaan (Indera Kayangan)," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan pemimpin MCA negeri ini, di Hotel Equatorial, di sini petang ini.

Turut hadir di perjumpaan itu, Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum; Setiausaha MCA negeri, Datuk Koay Kar Huah dan Bendahari MCA negeri, Dr Loh Hock Hun.

Pilihan raya kecil Indera Kayangan, diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan itu, Datuk Khor Liang Tee, 59, pada 20 Disember lalu selepas menghidap penyakit barah usus.

Ling berkata, ketika berada di Perlis kerana menziarahi mendiang Khor, pemimpin BN dan MCA negeri menyatakan mereka akan memberi sokongan kepada siapa juga calon yang dipilih Perdana Menteri.

"Sehubungan itu, saya menyeru kepada ahli MCA yang ada saudara mara dan kenalan di Perlis untuk turut sama berkempen bagi memastikan kemenangan calon BN," katanya.

Mengenai pengantungan Jawatankuasa Pusat (CC) Pemuda MCA, Ling berkata ia tidak akan menjejaskan kegiatan Pemuda parti itu kerana yang digantung hanyalah di peringkat CC.

(END)